

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 November 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2024 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus aims to maximise medium-to-long term returns by investing in Shariah-compliant equities, sukuk and Islamic money market instruments through Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk, and in any other Takafulink Funds that may become available in the future.

Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk, dan dalam mana-mana Dana Takafulink lain yang mungkin tersedia pada masa akan datang.


## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM678,659,851.26
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.41466

## How the Fund has performed / Prestasi Dana

### Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana

Takafulink Dana Urus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% Maybank 12-month Islamic Fixed Deposit-i rate




### Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.21%	-0.68%	-0.05%	9.99%	6.29%	18.45%	141.47%
Benchmark / Penanda Aras	-0.14%	-1.51%	-1.99%	8.72%	1.25%	6.25%	69.13%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.07%	0.83%	1.94%	1.27%	5.04%	12.20%	72.34%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 30 November 2024

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	79.57
2 Takafulink Dana Sukuk	20.43

### Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	9.34
2 IHH Healthcare Berhad	6.09
3 Gamuda Berhad	5.45
4 Telekom Malaysia Berhad	5.12
5 PETRONAS Gas Berhad	4.63
6 MISC Berhad	4.49
7 SD Guthrie Berhad	3.99
8 KPJ Healthcare Berhad	3.09
9 TIME dotCom Berhad	2.92
10 Press Metal Aluminium Holdings Berhad	2.43

### Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources Sdn Bhd	3.36
2 Sarawak Energy Berhad	3.07
3 DanaInfra Nasional Berhad	2.70
4 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.47
5 YTL Power International Berhad	2.04
6 Danum Capital Berhad	1.97
7 Amlslamic Bank Berhad	1.96
8 Edra Energy Sdn Bhd	1.89
9 PONSB Capital Berhad	1.88
10 Pengurusan Air SPV Berhad	1.84

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 November 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2024 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equity Market Review

Malaysian equity market declined for the third consecutive month, as foreign investors continued to be net sellers of equity in November to the tune of RM 3 billion, turning the YTD flows to a net outflow of RM0.8 billion. The US Presidential Elections took center stage in the beginning of the month. President-elect Trump winning convincingly was a bit of a surprise as investors were expecting the race to be tighter. Nevertheless, emerging markets post this election result saw weakness as the threat of US imposing higher import tariffs have become more of a reality. The month of November was corporate results reporting for the 3Q24, and results were either inline or below expectations, with some underlying weakness seen in some consumer and technology stocks. The impact of the sharp MYR appreciation up to end September 2024 when it reached RM 4.1235/USD, also negatively affected many companies' earnings in unrealized forex losses, hitting exporters especially hard. The FBM EMAS Shariah Index closed the month at 12,034.69, down 0.23% MoM. However, the FBM Small Cap Shariah Index rose 2.8% for the month and outperformed the FBM EMAS Shariah Index.

### Market Outlook

December generally has been a positive month for Malaysian equities, for the KLCI this has been the case in the last 9 years. The much-awaited Johor-Singapore Special Economic Zone was supposed to be finalized on 9 December 2024, with the meeting of the two countries' leaders, now will likely have to be postponed as the media have reported that the Singapore's Prime Minister has contracted Covid. Nevertheless, we remain constructive on Malaysia, as the domestic market continues to be supported by the improving economy, strong FDI, corporate earnings growth, flushed liquidity and tourism rebound. We will selectively rotate from stocks which have done well and deploy into laggards with potential catalysts, such as companies benefitting from the investment upcycle, US-China trade war and high dividend yielding stocks. In the short term, we may see stronger USD, and this will be positive to Malaysian exporters such as gloves, plantations, technology, and selective industrial companies. In the longer term, there could be more market volatility from a Trump presidency.

### Fixed Income Market Review

The Malaysian Government Securities ("MGS") yield curve in the month of November displayed a mild bull steepening, with shorter-term yields declining more sharply (-8bps) than long-term yields (-5 to -9bps). However, the largest declines were observed in the mid-curve, particularly in the 7Y and 10Y tenors. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.51% (-8bps), 3.62% (-8bps), 3.77% (-15bps), 3.82% (-11bps), 3.96% (-6bps), 4.07% (-9bps) and 4.21% (-5bps), respectively in November. The Government Investment Issue ("MGII") yield curve shifted lower, and bull steepened in November. Shorter-term yields declining more sharply (-7bps) than long-term yields (-5 to -8bps) with medium-term yields dropping the most (-13 to -15 bps). The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGII closed at 3.47% (-7bps), 3.64% (-7bps), 3.77% (-15bps), 3.82% (-13bps), 3.98% (-5bps), 4.11% (-8bps), and 4.20% (-1bps), respectively in November. Bank Negara Malaysia ("BNM") kept the Overnight Policy Rate ("OPR") at 3% at its Monetary Policy Committee ("MPC") meeting on 5 & 6 November. In a statement, BNM said that the monetary policy stance remains supportive of the economy and is consistent with the current assessment of inflation and growth prospects. Malaysia's GDP expanded by 5.3% year-on-year (YoY) in 3Q2024 but slowed from 5.9% in 2Q24 (18-month high). Growth was largely driven by strength in investment activities linked to investment projects (+15.3%, up from +11.5% in 2Q) and exports (+11.8%, up from +8.4% in 2Q) as well as household spending. However, private consumption growth slowed to +4.8% (from +6.0% in 2Q). The 3Q figure was in line with the advanced estimate of 5.3% reported by the statistics department in October. For the first nine months of 2024, Malaysia's economic growth was 5.2%, compared to a 3.8% growth in the same period last year, putting the country on track to achieve the government's official forecast range of 4.8-5.3% for 2024. Malaysia's headline inflation rose slightly to 1.9% YoY in October from 1.8% in September, not exceeding 2% for the 15th consecutive month. Inflation was primarily driven by higher prices in food and beverages (up 2.3%), personal care, social protection, and miscellaneous goods and services (up 3.4%). Core inflation remained steady at 1.8% YoY in October (September: 1.8%). In October, Malaysia's trade marked its 10th consecutive month of YoY growth, growing 2.1% to RM244.26 billion. Exports rebounded by 1.6% to RM128.12 billion with strong demand for manufactured goods, whereas imports expanded at a more modest pace of 2.6% to RM116.14 billion, resulting in a trade surplus of RM11.98 billion. This marks the 54th straight month of surplus since May 2020.

### Market Outlook

BNM expects Malaysia's economy to remain robust in 2025 (2025 GDP growth expectation: 4.5-5.5%), underpinned by resilient domestic demand supported by improvements in employment and income, alongside a recovery in exports. Also, the increase in civil servants' minimum wages in February 2025 is likely to stimulate economic growth through a boost in domestic consumption. Inflation is expected to remain moderate between 2.0-3.5% for 2025 but with potential upside risk from subsidy rationalisation measures (eg RON95 petrol subsidies by mid-2025). This could exert upward pressure on sukuk yields. Economic data releases for the December month include October's Industrial Production on 10 December, November's Inflation on 20 December and November's PPI on 24 December. The next BNM MPC meeting will be held next year on 22 January 2025. Meanwhile, fewer MGS/GII supply for the remaining month of the year may provide some positive catalyst for the local fixed income market. In December, there will be only one auction with the reopening of the 10-year MGS 07/34. BNM rescheduled the 10-year MGS auction to December from November and canceled the 3-year GII auction initially planned for December. Overall MGS and MGII yield curves shifted lower in the month of November. MGS yield curve bull steepened with yields dropping 5-15bps across the curve. MGS term spreads narrowed across all tenors and stayed below their longer-term averages. Likewise, corporate sukuk yields generally soften by 1-5bps MoM along the AAA and AA2 curve, particularly at the longer end of the curve. During the month, credit spreads widened, with the most notable shifts observed in the shorter tenors across all rating categories. However, corporate spreads remain below their long-term averages.

### Fund Review & Strategy

The Fund returned -0.21% for the month, underperforming the benchmark return of -0.14% by 0.07%. Year-to-date, the Fund returned 9.29%, outperforming the benchmark return of 8.19% by 1.10%. The underperformance in November was due to the underperformance in the equity portion against its benchmark. As of November 2024, the Fund has 79.6% exposure in equities and 20.4% in sukuk.

### Ekuiti Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia merosot untuk bulan ketiga berturut-turut, apabila pelabur asing terus menjadi penjual bersih ekuiti sehingga RM3 bilion pada bulan November, lalu menjadikan aliran keluar bersih YTD kepada RM0.8 bilion. Pilihan Raya Presiden AS menjadi tumpuan utama pada awal bulan ini. Sedikit mengejutkan apabila Presiden yang terpilih, Trump, menang dengan meyakinkan kerana pelabur menjangkakan pertandingan akan lebih sengit. Namun begitu, pasca pilihan raya ini, pasaran baru muncul dilanda kelemahan berikutan ancaman AS mengenakan tarif import yang lebih tinggi semakin menjadi nyata. Keputusan korporat bagi 3Q24 dilaporkan pada bulan November, dan keputusannya sama ada selaras atau di bawah jangkaan, dengan beberapa kelemahan tersirat dilihat melalui sebahagian saham pengguna dan teknologi. Kenaikan mendadak MYR sehingga akhir September 2024 apabila ia mencecah RM4.1235/USD, turut memberi kesan negatif ke atas pendapatan banyak syarikat berikutan kerugian tukaran mata wang asing yang tidak direalisasikan, terutama sekali pengeksport. Indeks Syariah EMAS FBM menutup bulan pada 12,034.69, turun 0.23% bulan ke bulan (MoM). Namun begitu, Indeks Syariah Bermodal Kecil FBM meningkat 2.8% pada bulan November dan mengatasi prestasi Indeks Syariah EMAS FBM.

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 November 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2024 melainkan jika dinyatakan

## Gambaran Bulanan

Disember secara amnya merupakan bulan yang positif buat ekuiti Malaysia, ini telah berlaku buat KLCI dalam tempoh 9 tahun yang lalu. Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura yang dinanti-nantikan sepatutnya dimuktamadkan pada 9 Disember 2024, dengan pertemuan pemimpin kedua-dua negara, kini mungkin perlu ditangguhkan kerana media melaporkan bahawa Perdana Menteri Singapura telah dijangkiti Covid. Namun begitu, kami kekal berpandangan konstruktif ke atas Malaysia, memandangkan pasaran domestik terus disokong oleh ekonomi yang bertambah baik, FDI yang kukuh, pertumbuhan pendapatan korporat, limpahan kecairan dan pemulihan pelancongan. Kami secara selektif akan bergilir daripada saham-saham yang telah menunjukkan prestasi cemerlang kepada saham-saham yang ketinggalan namun mempunyai potensi pemangkin, seperti syarikat yang mendapat manfaat daripada kitar tinggi pelaburan, perang perdagangan AS-China dan saham yang menghasilkan dividen tinggi. Dalam jangka pendek, kita mungkin melihat USD yang lebih kukuh, dan ianya akan memberi kesan positif kepada pengeksport Malaysia seperti sarung tangan, perladangan, teknologi dan syarikat perindustrian tertentu. Menyorot jangka panjang, turun naik pasaran mungkin akan lebih banyak susulan Trump memenangi jawatan presiden.

## Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Kelompok hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") menunjukkan peningkatan yang sederhana pada bulan November, dengan hasil jangka pendek merosot lebih mendadak (-8 mata asas) berbanding hasil jangka panjang (-5 hingga -9 mata asas). Walau bagaimanapun, penurunan terbesar melibatkan kelompok pertengahan, terutamanya dalam tempoh 7Y dan 10Y. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30-tahun masing-masing ditutup pada 3.51% (-8 mata asas), 3.62% (-8 mata asas), 3.77% (-15 mata asas), 3.82% (-11 mata asas), 3.96% (-6 mata asas), 4.07% (-9 mata asas) dan 4.21% (-5 mata asas), pada bulan November. Kelompok hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan ("MGII") beralih lebih rendah, dan naik mendadak pada bulan November. Hasil jangka pendek merosot lebih mendadak (-7 mata asas) berbanding hasil jangka panjang (-5 hingga -8 mata asas) dengan hasil jangka sederhana menurun paling banyak (-13 hingga -15 mata asas). MGII 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30-tahun masing-masing ditutup pada 3.47% (-7 mata asas), 3.64% (-7 mata asas), 3.77% (-15 mata asas), 3.82% (-13 mata asas), 3.98% (-5 mata asas), 4.11% (-8 mata asas), dan 4.20% (-1 mata asas), pada bulan November. Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada 3% semasa mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari ("MPC") pada 5 & 6 November. Dalam satu kenyataan, BNM berkata bahawa pendirian dasar monetari kekal menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa inflasi dan prospek pertumbuhan. KDNK Malaysia mengembang sebanyak 5.3% tahun ke tahun (YoY) pada 3Q2024 tetapi perlahan daripada 5.9% pada 2Q24 (18 bulan tertinggi). Sebahagian besar pertumbuhan didorong oleh kekuatan aktiviti pelaburan yang dikaitkan dengan projek pelaburan (+15.3%, meningkat daripada +11.5% pada 2Q) dan eksport (+11.8%, meningkat daripada +8.4% pada 2Q) serta perbelanjaan isi rumah. Namun begitu, pertumbuhan penggunaan swasta memperlambat kepada +4.8% (daripada +6.0% pada 2Q). Angka 3Q sejajar dengan anggaran awal 5.3% seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Statistik pada bulan Oktober. Bagi sembilan bulan pertama 2024, Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi 5.2%, berbanding pertumbuhan 3.8% dalam tempoh yang sama tahun lepas, lalu meletakkan negara pada landasan untuk mencapai julat ramalan rasmi kerajaan 4.8-5.3% bagi tahun 2024. Inflasi keseluruhan Malaysia meningkat sedikit kepada 1.9% YoY pada Oktober daripada 1.8% pada September, tidak melebihi 2% bagi bulan ke-15 berturut-turut. Inflasi didorong terutamanya oleh harga makanan dan minuman yang lebih tinggi (naik 2.3%), penjagaan diri, perlindungan sosial, dan pelbagai barangan serta perkhidmatan (naik 3.4%). Inflasi teras kekal stabil pada 1.8% YoY di bulan Oktober (September: 1.8%). Pada bulan Oktober, perdagangan Malaysia menandakan pertumbuhan tahun ke-10 berturut-turut, berkembang 2.1% kepada RM244.26 bilion. Eksport meningkat semula sebanyak 1.6% kepada RM128.12 bilion dengan permintaan kukuh ke atas barangan perkilangan, manakala import berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.6% kepada RM116.14 bilion, menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM11.98 bilion. Ini menandakan lebihan bulan ke-54 berturut-turut sejak Mei 2020.

## Gambaran Bulanan

BNM menjangkakan ekonomi Malaysia akan kekal teguh pada tahun 2025 (jangkaan pertumbuhan KDNK 2025: 4.5-5.5%), disangga oleh kemampuan permintaan domestik yang disokong oleh peningkatan pekerjaan dan pendapatan, di samping pemulihan eksport. Selain itu, kenaikan gaji minimum penjawat awam pada Februari 2025 berkemungkinan akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui rangsangan penggunaan domestik. Inflasi dijangka kekal sederhana antara 2.0-3.5% bagi tahun 2025 tetapi dengan potensi peningkatan risiko berikutan langkah rasionalisasi subsidi (contohnya subsidi petrol RON95 menjelang pertengahan tahun 2025). Ini boleh memberikan tekanan menaik ke atas hasil sukuk. Keluaran data ekonomi pada bulan Disember termasuk Pengeluaran Perindustrian Oktober pada 10 Disember, Inflasi November pada 20 Disember dan PPI November pada 24 Disember. Mesyuarat MPC BNM yang seterusnya akan diadakan pada 22 Januari 2025. Sementara itu, penawaran MGS/GII yang lebih sedikit bagi baki bulan pada tahun ini mungkin memberikan beberapa pemangkin positif kepada pasaran pendapatan tetap tempatan. Pada bulan Disember, hanya akan ada satu lelongan dengan pembukaan semula MGS 10-tahun 07/34. BNM menjadualkan semula lelongan MGS 10-tahun kepada Disember dari November dan membatalkan lelongan GII 3-tahun yang pada mulanya dirancang untuk Disember. Keseluruhan kelompok hasil MGS dan MGII beralih lebih rendah pada bulan November. Kelompok hasil MGS meningkat dengan hasil menurun 5-15 mata asas merentasi kelompok. Spread jangka masa MGS mengecil merentasi keseluruhan tempoh dan kekal di bawah purata jangka panjangnya. Begitu juga, hasil sukuk korporat umumnya berkurangan sebanyak 1-5 mata asas MoM di sepanjang kelompok AAA dan AA2, terutamanya pada hujung kelompok yang lebih panjang. Pada bulan tinjauan, spread kredit melebar, dengan anjakan paling ketara diperhatikan dalam tempoh yang lebih pendek merentasi semua kategori penarafan. Walau bagaimanapun, spread korporat kekal di bawah purata jangka panjangnya.

## Tinjauan & Strategi Dana

Dana menyampaikan pulangan -0.21% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras sebanyak -0.14% dengan perbezaan 0.07%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana menghasilkan pulangan 9.29%, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak 8.19% dengan perbezaan 1.10%. Prestasi hambar pada bulan November disebabkan oleh pencapaian bahagian ekuiti yang menghampakan berbanding penanda arasnya. Sehingga November 2024, Dana mempunyai 79.6% pendedahan dalam ekuiti dan 20.4% dalam sukuk.

Source / Sumber: Fund Commentary, November 2024, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 November 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2024 melainkan jika dinyatakan

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

*Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.*

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL